



**LIMITED LIABILITY PARTNERSHIPS ACT 2012 PRACTICE NOTE**  
**NO. 2/2016 (REVISED)**

RE: ACQUIRING OF LAND BY A LIMITED LIABILITY PARTNERSHIP AND RELATED MATTERS

This Practice Note serves to clarify the requirements that need to be fulfilled relating to the acquiring of land by a limited liability partnership (LLP) and related matters.

**1. BACKGROUND**

- 1.1 An LLP is a body corporate with unlimited capacity and is capable of doing and suffering any act or things that a body corporate may lawfully be allowed to do or suffer including the ability to hold property under its own name.
- 1.2 With the introduction of LLP as an alternative business vehicle, it is inevitable that an LLP may acquire or dispose properties in the course of its business.
- 1.3 Additionally, since the Limited Liability Partnerships Act 2012 (LLPA 2012) allows the conversion of conventional partnerships and private companies to LLP, the issue of transfer of properties from partners of the conventional partnerships and the private companies, as the case may be, must also be appropriately addressed to avoid any adverse legal implications.

## **2. LEGAL PROVISIONS RELATING TO THE ACQUIRING AND DISPOSING OF LAND UNDER THE LIMITED LIABILITY PARTNERSHIPS ACT 2012**

- 2.1 Subsection 3(4)(b) of the LLPA 2012 allows an LLP to acquire, own, hold and develop or dispose of property. For the purpose of the LLPA 2012, "property" is defined, amongst others, to include land.
- 2.2 Subsection 33(1)(b) of the LLPA 2012 states that upon conversion, all properties vested in the conventional partnership or private company shall be transferred to and vested in the LLP without further assurance, act or deed.
- 2.3 Notwithstanding the above, a private company intending to convert into an LLP must ensure that the land it holds is not subject to any charge, caveat or any other encumbrances in line with the requirement under paragraph 30(1)(a) of the LLPA 2012 before the application for conversion is made. The private company is also required to conduct an official search with the district Land Administrator (for Land Office title) and with the Registrar of Titles in the state capital (for Land Registry title) to ensure that the land it holds is free from any encumbrances and the search must be lodged with the Registrar of LLP together with the application for conversion.
- 2.4 Further, subsection 33(2) of the LLPA 2012 states that if any property (in this context includes land) is registered with a relevant authority, the LLP must take all the necessary steps required by the relevant authority to notify the relevant authority of the conversion. The notification (in this context to the Land Administrator or the Registrar of Titles) must be carried out as soon as practicable after the registration of conversion.

## **3. REQUIREMENTS UNDER THE NATIONAL LAND CODE (ACT 56/1965)**

- 3.1 The ability to hold land by an LLP is also governed by the National Land Code (NLC).

- 3.2 Section 43(b) of the NLC which is read together with section 205(2) of the NLC provides that acquisition or disposal of land by a corporation can only be done if the power to do so is expressly provided under its constitution. In practice, in the context of a company, the land administration (the Land Administrator for Land Office title or the Registrar of Titles for Land Registry title) requires a company to submit proof in the form of the Memorandum and Articles which expressly states that it is empowered to hold land.
- 3.3 As such, the land administration has indicated that the requirement under section 43(b) of the NLC can be fulfilled if the LLP agreement contains an express clause to the effect that the LLP is empowered to hold land. (Please refer to paragraphs 4 and 5 for the procedures in dealing with the Land Administrator or Registrar of Titles including procedures for participating in public auction).
- 3.3A Notwithstanding of paragraphs 3.2, 3.3, 4 and 5 of this Practice Note, if an LLP does not have an express clause to the effect that the LLP is empowered to hold land in its LLP agreement or does not have an LLP agreement, paragraph 3(4)(b) of the LLPA 2012 empowers the LLP to hold land.
- 3.4 In the case of conversion from a conventional partnership into an LLP and where the land is registered under the name of one or more partners of the conventional partnership, the transfer of the title of the land to the LLP shall be done using Form 14A of the First Schedule of the NLC. Please take note that this is not a form of change of name under section 378 NLC as described in paragraph 4.5.
- 3.5 In the case of conversion of a private company into an LLP, where the property is registered under the name of the private company, the transfer of the property to the LLP shall be accompanied with the documents as prescribed in paragraph 4.1.2 of this Practice Note. The Land Administrator or the Registrar of Titles may require any additional document as they think fit to effect such transfer. Parties are advised to seek clarifications and guidance from Land Administrator or the Registrar of Titles before transferring the property into the LLP.

## 4. REGISTRATION OF DEALINGS WITH THE LAND ADMINISTRATOR/ REGISTRAR OF TITLES

4.1 An LLP is advised to strictly observe the following procedures to avoid undue complication in dealing with the Land Administrator or Registrar of Titles with regard to the registration of any transaction pertaining land or notification of conversion affecting any record of an existing land ownership. These include the use of an official seal for the LLP.

### 4.1.1 Registration in respect of land transaction by an LLP

In registering a transaction such as a transfer, lease, charge, etc. involving an LLP, apart from the related instruments of dealing and the issue document of title, the following documents are required to be furnished to the Land Administrator or Land Registrar:

- (i) a copy of the notice of registration of the LLP issued by the Registrar of LLP;
- (ii) the most recent corporate information of the LLP;
- (iii) a copy of the LLP agreement containing a clause which states that the LLP is empowered to hold land, if applicable; and
- (iv) a resolution relating to the acquisition or disposal of land signed by the compliance officer and one partner who is not the compliance officer including the manner of execution of instruments through a seal or rubber stamp as per in **Appendix 1**.

\* All of the above documents referred to under paragraph 4.1.1(i) and (iii) (if applicable) must be certified as true copy by the compliance officer.

### 4.1.2 Notification of conversion to LLP involving a registered title

For the purpose of notifying the Land Administrator or Registrar of Titles with regard to the conversion to LLP in respect of title registered in the name of the partner(s) of a conventional partnership or a private company, apart from the issue document of title, the following document are required to be furnished to the Land Administrator or Registrar of Titles:

- (i) the Notice of Conversion (as per **Appendix 2**);
- (ii) a copy of the notice of registration of conversion to LLP issued by the Registrar of LLP;
- (iii) the most recent corporate information of the LLP;
- (iv) a copy of the LLP agreement containing a clause which states that the LLP is empowered to hold land, if applicable; and
- (v) in the case of conversion from a conventional partnership to LLP, a duly completed Form 14A of the First Schedule to the NLC by affixing the official seal or rubber stamp of the LLP and a statement signed by the compliance officer and at least one partner of the LLP stating that the seal was affixed before them.

\* All of the above documents referred to under paragraph 4.1.2 (ii) and (iv) (if applicable) must be certified true copy by the compliance officer of the LLP.

#### 4.2 Land subject to Malay Reservations Enactments and Melaka Customary Land

The Land Administration will not entertain any application or transaction involving an LLP for the transfer of any land which is subject to the Malay Reservations Enactments or is a Melaka Customary Land.

#### 4.3 Foreign LLP or LLP with foreign partners

Foreign LLP or LLP with foreign partners are not allowed to own any land or interest in land.

#### 4.4 Land which is subject to restricted interest in title

In respect to land which is subject to restriction that requires the approval of the State Authority or any other relevant Authority (if it is stated under the column “restriction in interest” in the title), the approval of the respective Authority must first be obtained before any transaction such as transfer, lease or charge can be registered.

#### 4.5 Change of name of LLP after the registration of title

For LLP which name has already been registered in a title and subsequently changed its name pursuant to section 15 of the LLPA 2012, the LLP is required to inform the respective Land Administrator or Land Registrar accordingly so that the necessary changes can be done in the title. A certified true copy by the compliance officer of the notice of confirmation of change of name issued by the Registrar of LLP must be submitted to support the application for change of name in the title pursuant to section 378 of the NLC.

### **5. PARTICIPATION IN PUBLIC AUCTION**

5.1 Subject to paragraphs 4.2 and 4.3 above, an LLP may participate in public auction made at the request of a chargee involving Land Office title or Land Registry title. The following documents must be submitted to the respective land office (for Land Office title) or the High Court (for Registry title) before an LLP is allowed to participate in an auction:

- (i) a copy of the notice of registration of the LLP issued by the Registrar of LLP;
- (ii) a copy of the LLP agreement containing a clause which states that the LLP is empowered to hold land, if applicable;
- (iii) the most recent corporate information of the LLP; and
- (iv) the resolution signed by the compliance officer authorising a person designated to act on behalf of the LLP.

\* All of the above documents referred to under paragraph 5.1(i) and (ii) (if applicable) must be certified as true copy by the compliance officer.

5.2 Any discrepancies between the information contained in the LLP agreement and the corporate information of the LLP, or pertaining the person designated to act on behalf of the LLP for the auction may lead to the LLP being barred from participating in the public auction.

## **6. EFFECT OF THIS PRACTICE NOTE**

- 6.1 This Practice Note is issued pursuant to section 20C of the Companies Commission of Malaysia Act 2001 [Act 614].
- 6.2 This Practice Note superseded the Practice Note 2/2016 issued on 06 June 2016.
- 6.3 This Practice Note does not override any provisions of the NLC.

**REGISTRAR OF LIMITED LIABILITY PARTNERSHIPS**

**COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA**

**10 JULY 2023**

## APPENDIX 1

### LIMITED LIABILITY PARTNERSHIP RESOLUTION

..... (LLP Name and registration no.) has on..... (date) agreed to \*acquire/transfer/charge/lease/..... the land held under the title ..... (title no. and Lot/L.O. no.) town /village/mukim ..... District of ..... and that all relevant documents shall be executed with the official seal or rubber stamp of the LLP and a statement signed by the compliance officer ..... (name of compliance officer) and a partner (name of partner) stating that the seal or rubber stamp was affixed before them.

.....  
Compliance Officer

.....  
Partner

Note: \* Delete whichever is inapplicable or specify the type of transaction, if different from the specified options.

## APPENDIX 2

*Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012*  
(Seksyen 33(2))

**NOTIS PENUKARAN SYARIKAT PERSENDIRIAN/PERKONGSIAN KONVENTSIONAL KEPADA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD**

Kepada,

..... (Nama dan alamat Pentadbir Tanah / Pendaftar Hakmilik)

Saya, ..... no. Kad Pengenalan ....., Pegawai Pematuhan kepada ..... (nama dan no. pendaftaran PLT) dengan ini memberi notis bahawa ..... (nyatakan nama dan no. pendaftaran syarikat persendirian atau perkongsian konvensional) iaitu suatu \*syarikat persendirian/perkongsian konvensional telah bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad seperti ..... nama dan no. pendaftaran yang dinyatakan di atas mulai ..... (tarikh)

2. Menurut seksyen 33 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, tanah yang dinyatakan dalam Jadual berikut yang berdaftar atas nama

..... (nyatakan nama syarikat persendirian/pe Kongsi) terletakhak pada PLT:

| <b>JADUAL</b>              |                   |                             |        |                           |                                    |
|----------------------------|-------------------|-----------------------------|--------|---------------------------|------------------------------------|
| <b>BUTIRAN PENUH TANAH</b> |                   |                             |        |                           |                                    |
| Jenis dan No. Hakmilik     | No. *Lot/<br>P.T. | *Bandar/<br>Pekan/<br>Mukim | Daerah | Bahagian tanah (jika ada) | No. Petak (hakmilik strata sahaja) |
|                            |                   |                             |        |                           |                                    |

## PERAKUAN

### **Perakuan:**

Saya mengesahkan bahawa fakta-fakta dan maklumat yang dinyatakan dalam dokumen ini adalah benar.

(Tandatangan Pegawai Pematuhan)

---

Nama Pegawai Pematuhan:

Tarikh:

### **Perhatian:**

Adalah menjadi satu kesalahan di bawah seksyen 80 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 untuk membuat atau membenarkan untuk dibuat suatu pernyataan yang anda tahu adalah palsu atau mengelirukan dan anda boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak kurang daripada RM150,000 dan tidak lebih daripada RM500,000 atau kedua-duanya.

| MAKLUMAT PEMATUHAN |  | PENYERAH | (PEGAWAI |
|--------------------|--|----------|----------|
| Nama               |  |          |          |
| No. K.P.           |  |          |          |
| Alamat             |  |          |          |
| No. Tel.           |  |          |          |
| E-mel              |  |          |          |

Nota: \* Potong yang tidak berkenaan



**AKTA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD 2012 NOTA AMALAN**  
**NO. 2/2016 (DISEMAK SEMULA)**

RE: PEROLEHAN TANAH OLEH PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD SERTA PERKARA YANG BERKAITAN

Nota Amalan ini bertujuan untuk menerangkan keperluan berhubung perolehan tanah oleh perkongsian liabiliti terhad (PLT) serta perkara yang berkaitan dengannya.

**1. LATAR BELAKANG**

- 1.1 PLT merupakan sebuah pertubuhan perbadanan (*body corporate*) dengan kapasiti yang tidak terhad dan berkeupayaan untuk melakukan dan menanggung apa-apa perbuatan dan perkara lain yang boleh dilakukan dan ditanggung dengan sah termasuk keupayaan untuk memegang harta atas namanya sendiri.
- 1.2 Dengan pengenalan PLT sebagai satu bentuk perniagaan alternatif, pemilikan atau pelupusan harta di dalam urusan perniagaan sesebuah PLT menjadi suatu perkara yang tidak dapat dielakkan.
- 1.3 Tambahan pula, memandangkan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (APLT 2012) membentarkan penukaran perkongsian konvensional dan syarikat persendirian kepada PLT, isu pemindahan harta daripada pekongsi perkongsian konvensional atau syarikat persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah ditangani dengan sewajarnya untuk mengelak daripada implikasi undang-undang yang tidak diingini.

## **2. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN PEROLEHAN DAN PELUPUSAN TANAH DI BAWAH AKTA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD 2012**

- 2.1 Subseksyen 3(4)(b) APLT 2012 membenarkan sesebuah PLT untuk memperoleh, memiliki, memegang dan membangunkan atau melupuskan harta. Untuk tujuan APLT 2012, "harta" ditakrifkan, antara lainnya, termasuk tanah.
- 2.2 Subseksyen 33(1)(b) APLT 2012 menyatakan bahawa selepas penukaran, kesemua harta yang terletakhak pada sesuatu perkongsian konvensional atau syarikat persendirian hendaklah dipindahmilik dan terletakhak pada PLT tersebut tanpa keperluan jaminan, tindakan atau surat ikatan lanjut.
- 2.3 Walau apapun di atas, sesebuah syarikat persendirian yang bercadang untuk bertukar menjadi PLT hendaklah memastikan bahawa tanah yang dipegang hendaklah bebas daripada sebarang gadaian, kaveat atau apa-apa bebanan selaras dengan keperluan perenggan 30(1)(a) APLT 2012 sebelum permohonan untuk penukaran tersebut dibuat. Syarikat persendirian tersebut juga perlu membuat carian rasmi terkini dengan pihak Pentadbir Tanah di daerah (bagi hakmilik Pejabat Tanah) dan dengan pihak Pendaftar Hakmilik di ibu negeri (bagi hakmilik Pejabat Pendaftar) untuk memastikan bahawa tanah yang dipegang adalah bebas daripada sebarang bebanan dan carian tersebut perlu diserah simpan dengan Pendaftar PLT bersama-sama dengan permohonan untuk penukaran.
- 2.4 Selanjutnya, subseksyen 33(2) APLT 2012 menyatakan bahawa sekiranya terdapat sebarang harta (dalam konteks ini termasuk tanah) yang didaftarkan dengan mana-mana pihak berkuasa, PLT tersebut hendaklah mengambil semua langkah yang diperlukan oleh pihak berkuasa berkenaan bagi tujuan pemberitahuan berhubung penukaran itu. Pemberitahuan tersebut (dalam hal ini kepada Pentadbir Tanah atau Pendaftar Hakmilik) hendaklah dilakukan dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan selepas pendaftaran penukaran dilakukan.

### **3. KEPERLUAN DI BAWAH KANUN TANAH NEGARA (AKTA 56/1965)**

- 3.1 Keupayaan untuk memegang tanah oleh sesebuah PLT adalah dikawal selia di bawah Kanun Tanah Negara (KTN).
- 3.2 Seksyen 43(b) KTN yang dibaca bersama seksyen 205(2) KTN memperuntukkan bahawa perolehan dan pelupusan tanah oleh suatu perbadanan (*corporation*) hanya boleh dilakukan sekiranya perbadanan tersebut mempunyai kuasa untuk memegang tanah di bawah perlembagaannya. Dari sudut pelaksanaannya dalam konteks syarikat, pihak pentadbiran tanah (iaitu Pentadbir Tanah bagi hakmilik Pejabat Tanah atau Pendaftar Hakmilik bagi hakmilik Pejabat Pendafttar) memerlukan sesebuah perbadanan untuk menyerahkan bukti dalam bentuk Memorandum dan Artikel yang menyebutkan secara jelas berhubung kuasanya untuk memegang tanah.
- 3.3 Oleh yang sedemikian, pihak pentadbiran tanah telah menyatakan bahawa keperluan di bawah seksyen 43(b) KTN dipenuhi sekiranya perjanjian PLT mengandungi klausa yang jelas menyatakan bahawa PLT tersebut diberi kuasa untuk memegang tanah. (*Sila rujuk kepada perenggan 4 dan 5 berhubung prosedur ketika berurus dengan Pentadbir Tanah atau Pendaftar Hakmilik termasuk prosedur penyertaan dalam lelongan awam*)
- 3.3A Walau apa pun yang dinyatakan di perenggan-perenggan 3.2, 3.3, 4 dan 5 Nota Amalan ini, sekiranya sesebuah PLT itu tidak mempunyai klausa jelas yang menyatakan sesebuah PLT itu dibenarkan untuk memegang hartanah di dalam perjanjian PLT atau tidak mempunyai sebarang perjanjian PLT, perenggan 3(4)(b) APLT 2012 memberi kuasa kepada PLT untuk memegang hartanah.
- 3.4 Dalam hal penukaran daripada perkongsian konvensional kepada sebuah PLT dan tanah tersebut didaftarkan atas nama seorang atau lebih pekongsi, ia hendaklah dibuat melalui proses pindahmilik tanah kepada PLT tersebut menggunakan Borang 14A Jadual Pertama KTN. Sila ambil perhatian bahawa ini bukan merupakan suatu bentuk pertukaran nama di bawah seksyen 378 KTN yang dijelaskan dalam perenggan 4.5.

3.5 Dalam hal penukaran daripada sebuah syarikat persendirian kepada PLT, di mana tanah tersebut telah didaftarkan atas nama syarikat persendirian, pemindahan hakmilik tanah ke PLT tersebut harus disertakan dengan dokumen-dokumen sebagaimana dinyatakan dalam perenggan 4.1.2 Nota Amalan ini. Pentadbir Tanah atau Pendaftar hakmilik, bagaimanapun, boleh mensyaratkan dokumen-dokumen tambahan sebagaimana yang difikirkan sesuai untuk melaksanakan pindahmilik tersebut. Pihak-pihak disarankan untuk mendapatkan penjelasan / panduan daripada Pentadbir Tanah atau Pendaftar hakmilik sebelum mereka merancang untuk memindahkan nama syarikat persendirian kepada PLT (dalam situasi syarikat persendirian bertukar kepada PLT).

#### **4. PENDAFTARAN URUSAN DENGAN PENTADBIR TANAH/PENDAFTAR HAKMILIK**

4.1 PLT dinasihatkan supaya mematuhi sepenuhnya prosedur yang berikut untuk mengelakkan sebarang kesulitan ketika berurusan dengan Pentadbir Tanah atau Pendaftar Hakmilik berhubung pendaftaran apa-apa urusan berkaitan tanah atau pemberitahuan berhubung penukaran yang melibatkan rekod pemilikan tanah sedia ada. Ini termasuklah penggunaan satu meterai rasmi/setem bagi PLT berkenaan.

##### **4.1.1 Pendaftaran berhubung urusan tanah oleh PLT**

Di dalam mendaftarkan urusan seperti pindah milik, pajakan, gadaian dan lain-lain melibatkan sesebuah PLT, selain daripada dokumen suratcara yang berkenaan dan dokumen hakmilik keluaran, dokumen-dokumen yang berikut hendaklah diserahkan kepada Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftar:

- (i) salinan notis pendaftaran PLT yang dikeluarkan oleh Pendaftar PLT;
- (ii) maklumat korporat PLT yang terkini;
- (iii) salinan perjanjian PLT yang mengandungi klausa bahawa PLT tersebut mempunyai kuasa untuk memegang tanah (sekiranya berkaitan); dan

- (iv) ketetapan (resolusi) PLT berkaitan perolehan atau pelupusan tanah yang ditandatangani oleh pegawai pematuhan dan seorang pekongsi yang bukan pegawai pematuhan termasuk cara pelaksanaan suratcara melalui meterai rasmi atau setem getah seperti di **Lampiran 1**.

\* Kesemua salinan dokumen yang dirujuk di bawah perenggan 4.1.1(i) dan (iii) (sekiranya berkaitan) hendaklah disahkan sebagai salinan benar oleh pegawai pematuhan.

#### 4.1.2 Pemberitahuan penukaran kepada PLT yang melibatkan hakmilik yang didaftarkan

Bagi tujuan pemberitahuan kepada Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftar berkenaan dengan penukaran kepada PLT yang melibatkan hakmilik yang didaftarkan atas nama pekongsi atau syarikat persendirian, selain daripada dokumen hakmilik keluaran, dokumen-dokumen yang berikut perlu dikemukakan kepada Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftar:

- (i) notis penukaran (seperti **Lampiran 2**);
- (ii) salinan notis pendaftaran penukaran kepada PLT yang dikeluarkan oleh Pendaftar PLT;
- (iii) maklumat korporat PLT yang terkini;
- (iv) salinan perjanjian PLT yang mengandungi klausa bahawa PLT tersebut mempunyai kuasa untuk memegang tanah (sekiranya berkaitan); dan
- (v) di dalam kes penukaran perkongsian konvensional kepada PLT, Borang 14A Jadual Pertama KTN yang telah dilengkapkan dengan menurunkan meterai rasmi atau setem getah PLT dan satu kenyataan yang ditandatangani oleh pegawai pematuhan dan sekurang-kurangnya satu pekongsi PLT yang menyatakan bahawa meterai rasmi atau setem getah itu telah diturunkan di hadapan mereka.

\* Kesemua salinan dokumen yang dirujuk di bawah perenggan 4.1.2 (ii) dan (iv) (sekiranya berkaitan) hendaklah disahkan sebagai salinan benar oleh pegawai pematuhan PLT.

4.2 Tanah yang tertakluk kepada undang-undang rizab Melayu dan tanah adat Melaka

Pihak pentadbiran tidak akan melayan sebarang permohonan dan urusan melibatkan PLT untuk memindahkan mana-mana tanah yang tertakluk kepada undang-undang rizab Melayu atau tanah adat Melaka.

4.3 PLT Asing atau PLT yang mempunyai pekongsi asing

PLT asing atau PLT yang mempunyai pekongsi asing tidak dibenarkan untuk memiliki mana-mana tanah atau kepentingan atas tanah.

4.4 Tanah yang tertakluk kepada sekatan kepentingan dalam hakmilik

Bagi tanah yang tertakluk kepada sekatan yang memerlukan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri atau pihak yang berkenaan (sekiranya dinyatakan dalam ruangan “sekatan kepentingan” dalam hakmilik), maka kelulusan daripada pihak tersebut perlulah diperolehi sebelum apa-apa urusan seperti pindahmilik, pajakan atau gadaian dapat didaftarkan.

4.5 Pertukaran nama PLT yang telah didaftarkan dalam hakmilik

Bagi PLT yang telahpun didaftarkan namanya dalam hakmilik dan kemudiannya menukar namanya menurut seksyen 15 APLT 2012, PLT tersebut dikehendaki memaklumkan kepada Pentadbir Tanah atau Pendaftar Hakmilik yang berkenaan supaya pertukaran yang sama dapat dilakukan dalam hakmilik. Salinan yang diakui sah oleh pegawai pematuhan bagi Notis berhubung pengesahan pertukaran nama yang dikeluarkan oleh Pendaftar PLT hendaklah dikemukakan bagi menyokong permohonan untuk menukar nama melibatkan hakmilik berkenaan selaras dengan peruntukan seksyen 378 KTN.

## 5. PENYERTAAN DALAM LELONGAN AWAM

- 5.1 Tertakluk kepada perenggan 4.2 dan 4.3 di atas, PLT boleh menyertai lelongan awam yang dibuat atas permintaan pemegang gadaian melibatkan hakmilik Pejabat Tanah ataupun hakmilik Pejabat Pendaftar. Dokumen-dokumen berikut perlulah dikemukakan kepada Pejabat Tanah (bagi hakmilik Pejabat Tanah) atau Mahkamah Tinggi (bagi hakmilik Pejabat Pendaftar) yang berkenaan sebelum PLT dibenarkan menyertai lelongan tersebut:
- i) Salinan notis pendaftaran PLT yang dikeluarkan oleh Pendaftar PLT;
  - ii) Salinan perjanjian perkongsian PLT yang mengandungi klausu bahawa PLT tersebut mempunyai kuasa untuk memegang tanah(sekiranya berkaitan);
  - iii) Maklumat korporat PLT yang terkini; dan
  - iv) Ketetapan (resolusi) PLT yang ditandatangani oleh pegawai pematuhan yang memberi kuasa kepada orang yang ditetapkan untuk bertindak bagi pihak PLT.

\* Kesemua salinan dokumen yang dirujuk di bawah perenggan 5.1 (i) dan (ii) (sekiranya berkaitan) hendaklah disahkan sebagai salinan benar oleh pegawai pematuhan.

- 5.2 Sebarang percanggahan antara maklumat yang terkandung dalam perjanjian PLT dengan maklumat korporat terkini PLT, atau berhubung orang yang dinamakan untuk bertindak bagi pihak PLT dalam lelongan tersebut boleh mengakibatkan PLT itu dilarang daripada menyertai lelongan awam yang berkenaan.

## 6. KESAN NOTA AMALANINI

- 6.1 Nota Amalan ini dikeluarkan menurut seksyen 20C Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [Akta 614].
- 6.2 Nota Amalan ini menggantikan Nota Amalan 2/2016 yang telah dikeluarkan pada 06 Jun 2016.
- 6.3 Nota Amalan ini tidak mengatasi apa-apa peruntukan KTN.

**PENDAFTAR PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD  
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
10 JULAI 2023**

**LAMPIRAN 1**

**KETETAPAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD**

..... (nama dan no. pendaftaran PLT) telah pada ..... (tarikh) bersetuju untuk \*memperoleh/memindahmilik/menggadai/memajak/..... tanah yang dipegang di bawah hakmilik ..... (no. hakmilik dan no. Lot/P.T.) bandar/pekan/mukim ..... daerah ..... dan bahawa semua dokumen yang berkaitan hendaklah disempurnakan dengan meterai rasmi atau setem getah rasmi PLT dan satu kenyataan yang ditandatangani oleh pegawai pematuhan ..... (nama pegawai pematuhan) dan pekongsi ..... (nama pekongsi) yang menyatakan bahawa meterai rasmi atau setem getah rasmi itu telah diturunkan di hadapan mereka.

.....  
(Pegawai Pematuhan)

.....  
(Pekongsi)

Nota: \* Potong mana yang tidak berkenaan. atau nyatakan jenis urusan, jika berbeza daripada pilihan yang dinyatakan.

**LAMPIRAN 2**

*Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012*

(Seksyen 33(2))

**NOTIS PENUKARAN SYARIKAT PERSENDIRIAN/PERKONGSIAN KONVENTSIONAL KEPADA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD**

Kepada,

..... (Nama dan alamat Pentadbir Tanah / Pendaftar Hakmilik)

Saya, ..... no. Kad Pengenalan ....., Pegawai Pematuhan kepada ..... (nama dan no. pendaftaran PLT) dengan ini memberi notis bahawa ..... (nyatakan nama dan no. pendaftaran syarikat persendirian atau perkongsian konvensional) iaitu suatu \*syarikat persendirian/perkongsian konvensional telah bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad seperti nama dan no. pendaftaran yang dinyatakan di atas mulai ..... (tarikh)

2. Menurut seksyen 33 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, tanah yang dinyatakan dalam Jadual berikut yang berdaftar atas nama

..... (nyatakan nama syarikat persendirian/pe Kongsi) terletakhak pada PLT:

| <b>JADUAL</b>              |                   |                             |        |                              |                                       |
|----------------------------|-------------------|-----------------------------|--------|------------------------------|---------------------------------------|
| <b>BUTIRAN PENUH TANAH</b> |                   |                             |        |                              |                                       |
| Jenis dan No. Hakmilik     | No. *Lot/<br>P.T. | *Bandar/<br>Pekan/<br>Mukim | Daerah | Bahagian tanah<br>(jika ada) | No. Petak<br>(hakmilik strata sahaja) |
|                            |                   |                             |        |                              |                                       |

## PERAKUAN

### Perakuan:

Saya mengesahkan bahawa fakta-fakta dan maklumat yang dinyatakan dalam dokumen ini adalah benar.

(Tandatangan Pegawai Pematuhan)

Nama Pegawai Pematuhan:

Tarikh:

### Perhatian:

Adalah menjadi satu kesalahan di bawah seksyen 80 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 untuk membuat atau membenarkan untuk dibuat suatu pernyataan yang anda tahu adalah palsu atau mengelirukan dan anda boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak kurang daripada RM150,000 dan tidak lebih daripada RM500,000 atau kedua-duanya.

| MAKLUMAT PEMATUHAN |  | PENYERAH | (PEGAWAI |
|--------------------|--|----------|----------|
| Nama               |  |          |          |
| No. K.P.           |  |          |          |
| Alamat             |  |          |          |
| No. Tel.           |  |          |          |
| E-mel              |  |          |          |

Nota: \* Potong yang tidak berkenaan